

Juara keseluruhan jelajah

UM - 2 FEB 2002

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, impian beliau ialah mahu melihat pasukan Malaysia muncul juara keseluruhan perlumbaan basikal Le Tour de Langkawi, lapor **MOHD. TAUFEK BAZAK**.

Harapan itu disuarakannya ketika ditemubual pengacara khas perlumbaan itu sebelum menyam-

paikan hadiah kepada pemenang peringkat pertama acara ujian masa perseorangan di Putrajaya, semalam.

"Sudah tentu saya mahu melihat Malaysia muncul juara," katanya sambil diikuti tepukan gemuruh para hadirin dan peminat sukan lumba basikal.

Beliau berkata demikian ketika

ditanya harapannya sebagai orang yang bertanggungjawab mengilhamkan perlumbaan itu tujuh tahun lalu.

Walaupun berkata demikian secara bersahaja, harapan Dr. Mahathir itu ternyata cukup tinggi dan tentunya beliau mahu usaha dilakukan untuk mencapainya.

Sejak mula diperkenalkan pada

impian Dr. Mahathir

tahun 1996, pasukan Malaysia tidak pernah muncul juara keseluruhan kecuali menjuarai kategori Asia Timur pada tahun 1999.

Sementara itu, ketika bercakap kepada RTM, Dr. Mahathir melahirkan rasa bangga dengan kejayaan Malaysia menganjurkan perlumbaan basikal bertaraf dunia sehingga ia begitu dikenali ketika ini.

Dengan kali pertama ia dilangsungkan di Putrajaya tahun ini, beliau percaya ia secara tidak langsung dapat menunjukkan kepada dunia kemampuan Malaysia membangunkan pusat pentadbiran kerajaan yang baru, berdaya maju dan dikagumi.

"Inilah peluang kita menunjukkan kepada dunia sebuah pusat

pentadbiran kerajaan Malaysia yang sudah maju dengan bangunan-bangunan kerajaan yang sudah siap," katanya.

Perlumbaan Le Tour de Langkawi 2002 bermula di Putrajaya semalam dengan acara ujian masa individu sejauh 28.3 kilometer menjadi pembuka tirai peringkat pertama daripada 10 peringkat.